



**TEKS UCAPAN  
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

**BERSEMPENA**

**MAJLIS MEMASAK BUBUR LAMBUK, MAJLIS BERBUKA PUASA  
DAN MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN ASNAF & MUALAF  
BARIO BERSAMA SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK DAN  
PANGLIMA MEDAN TIMUR TENTERA DARAT**

**PADA**

**26 MAC 2024 (SELASA)**

**BERTEMPAT DI**

**BARIO, SARAWAK**

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan  
Salam Malaysia Madani.

Yang Berbahagia Leftenan Jeneral Dato' Mohd Sofi Bin Md Lepi,  
Panglima Medan Timur, Tentera Darat dan  
Yang Berbahagia Datin Erni Irawati binti Rosli

Yang Berusaha Penghulu Caleena Lallang Sakai  
Pengkulu Bario Sentral

Yang Berusaha Tuan Richard Usah  
Pegawai Tadbir Pejabat Kecil Daerah Bario

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, Ketua-Ketua Masyarakat,  
delegasi dan urus setia rombongan daripada Kuching; dan seterusnya  
penduduk kampung yang diraikan pada petang ini.

Yang Berbahagia Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Taala saya panjatkan kerana pada hari yang penuh berbahagia ini, kita semua dapat berkumpul bagi menjayakan majlis pada petang ini.
2. Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak Penghulu Bario Asal iaitu Penghulu Caleena Lallang Sakai, Unit Saudara Kita (USK) yang diketuai oleh Encik Irwanshah Ali bin Abdullah dan dibantu oleh Puan Hajjah Norhayatie binti Abdullah,

pasukan Angkatan Tentera Malaysia di Kem Bario yang diketuai oleh Leftenan Fathi serta Pengarah JAKIM Sarawak, Encik Hamdan bin Jar'ee yang telah bekerja keras bagi memastikan hasrat dan matlamat majlis kita pada hari ini berjalan lancar.

## **PEPPADUAN ASAS KEHARMONIAN**

Yang Berbahagia Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

3. Hari ini cukup unik kerana hari ini merupakan kunjungan kali pertama saya ke Bario dan juga genaplah 400 hari saya bertugas sebagai Setiausaha Persekutuan Sarawak semenjak 20 Februari 2023 yang lalu. Dalam tempoh tersebut, saya melihat Sarawak sebagai satu Negeri yang sangat menitik beratkan sifat toleransi yang menjadi asas perpaduan dan keharmonian kaum berbilang bangsa dan agama. Kesepaduan masyarakat inilah yang telah membawa Negeri ini mencatat kejayaan demi kejayaan terutama dalam menuntut hak-hak negeri dan seterusnya membina ekonomi negeri yang ampuh.
  
4. Keharmonian ini dapat dirasai contohnya seperti pada hari ini, Majlis Berbuka Puasa dan sumbangan barangan keperluan yang bakal diberikan kepada hampir 100 orang Asnaf & Mualaf sempena bulan Ramadan, tidak hanya terhad kepada komuniti Islam sahaja, tetapi merentasi pelbagai kaum termasuklah tiga kaum utama di Bario seperti yang telah dimaklumkan kepada saya iaitu Kelabit, Penan dan Saban.

## PERKHIDMATAN KEPADA RAKYAT

Yang Berbahagia Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

5. Selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri untuk memperkasakan perkhidmatan kepada Rakyat melalui salah satu \*Rukun Malaysia Madani iaitu Ihsan, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua agensi-agensi Persekutuan di Bario untuk memberi perkhidmatan dengan penuh dedikasi dan perihatin. Walaupun sekiranya perkhidmatan kaunter ditutup pada jam 4.30 petang, jika masih terdapat pelanggan hadir untuk berurusan selepas ditutup, bantu la mereka kerana di kawasan pendalaman seumpama ini, kita tidak tahu jauhnya perjalanan dan kos yang terpaksa dibelanjakan untuk mendapatkan perkhidmatan kita.

## PENUTUP

6. Akhir kata, saya berharap agar program titik sentuhan (*touchpoint*) seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang untuk terus menyantuni keperluan denyut nadi masyarakat serta menjadi *platform* untuk mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama diantara Penduduk Bario dan agensi-agensi Persekutuan.
7. Dengan kata-kata itu, maka saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun.

Dari Kuching hingga ke Bario,  
Indah pemandangan di waktu pagi,  
Terima Kasih Komuniti Bario,  
Panjang usia kita bersua lagi.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalaamualaikum wbt. Terima kasih.

\*Nota: Rukun Malaysia Madani :Ihsan- prihatin dan peduli terhadap setiap keperluan dan penderitaan Rakyat